

16 MAY 1998

MAHATHIR PULANG DARI LAWATAN KE MESIR, SUDAN

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang hari ini selepas lawatan lapan hari ke Mesir dan Sudan.

Yang hadir menyambut beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri kabinet dan para pegawai kanan kerajaan.

Ketika lawatan ke kedua-dua negara utara Afrika itu, Dr Mahathir turut menghadiri sidang kemuncak G-15 di Kaherah.

Lawatan Dr Mahathir ke Sudan merupakan yang pertama kali oleh perdana menteri Malaysia dan lawatan ke Mesir merupakan kunjungannya kali kedua.

Beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh para pegawai dan ahli perniagaan kedua-dua negara semasa lawatan itu bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan serta memudahkan perjalanan rakyat antara ketiga-tiga negara.

Sebelum berlepas pulang dari Khartoum, Dr Mahathir mengadakan sidang berita bersama Presiden Omar Hassan Ahmed El Bashir.

-- BERNAMA

MAM NN RON